

## BAB 4,

### PANTUN DAN RUKUN ISLAM

#### 4.1. Pengenalan.

Apabila Islam mula bertapak di alam Melayu, maka terbentuklah asas tamadun Melayu Islam. Hashim Musa (2001:48-49) menjelaskan bahawa pada asasnya tamadun Melayu Islam dibina di atas enam dasar pandangan semesta dan prinsip tamadun berasaskan wahyu, iaitu:

- i. Alam ini hasil ciptaan dan tadbiran Allah s.w.t. yang meliputi alam arwah, alam dunia dan alam akhirat. Kejayaan hakiki di akhirat ialah kemasukan ke dalam syurga, iaitu natijah muktamad daripada kehidupan di dunia. Alam dunia adalah amanah untuk kemanfaatan kehidupan manusia dan kejayaan di dunia ialah ketaatan kepada Allah.
- ii. Islam ialah panduan dari Allah sebagai al-din; mengandungi segala peraturan bagi segala gelagat hidup di dunia untuk individu dan masyarakat demi kejayaan hakiki mereka. Oleh itu wajib dipelajari semua sebagai fardhu 'ain supaya terbentuk insan Muslim, Mu'min dan Muhsin; Islam mencakupi akidah, ibadah, mu'amalat, mu'asyarat, munakahat, akhlak dan ihsan.

- iii. Keyakinan kepada pembalasan yang baik bagi amalan yang baik dan sebaliknya. Pembalasan yang baik di dunia ialah keberkatan kehidupan dalam ketaatan kepada Allah, balasannya syurga Allah di akhirat kelak dan demikianlah sebaliknya.
- iv. Wawasan, misi, objektif, niat, strategi dan operasi segala bidang kerja hendaklah sah, benar dan mematuhi segala aspek hukum Islam bersendikan kitab Allah.
- v. Nilai tertinggi dikaitkan dengan segala perkara yang membantu pembentukan insan yang beriman, beramal saleh dan berakhlak mulia yang paling banyak memanafaati dirinya dan juga orang lain.
- vi. Kehidupan pertengahan dan seimbang antara jasmani, akali dan rohani. Kehidupan dunia adalah sebagai alat yang perlu dituntut dan diperolehi secara fardhu kifayah demi membantu terbentuknya insan Muslim, Mu'min dan Muhsin.

Berlandaskan prinsip dan asas sedemikian tamadun Melayu Islam terbina di seluruh kepulauan Melayu dan Asia Tenggara. Berbalik kepada penjelasan Syed Naguib al-Attas (1968:3-5) bahawa kedatangan Islam telah membetulkan akidah orang Melayu dengan mengesakan Allah (tauhid), falsafah keagamaan dan memalingkan masyarakat dari seni, mitos dan khayal kepada alam akal dan budi mengikut gaya yang teratur.

Apabila orang Melayu yang menganuti Islam itu mengaku bahawa Allah adalah Tuhan yang esa dan Muhammad adalah pensuruh Allah, maka sumber

rujuk utama sebagai panduan di dalam kehidupan mereka adalah al-Quran dan Sunnah Rasul.

Al-Quran adalah firman Allah yang meliputi segala sesuatu kejadian. Ia ibarat pancaran daripada kata-kata Allah yang asal yang tidak dapat diungkap dengan kata-kata manusia.

Firman Allah yang bermaksud;

( Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia. (2:185)

Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk kepada (jalan) yang lebih lurus (17:9)

Sesungguhnya kami telah menurunkan al-Quran kepadamu (hai Muhammad) dengan beransur-ansur. (76:23)

Umat Islam menyedari bahawa al-Quran adalah panduan utama untuk dijadikan rujukan dalam kehidupan ini. Firman Allah bermaksud:

" Kami sentiasa menjadikan engkau (wahai Muhammad) dapat membaca (al-Quran yang diturunkan kepada Jibril), sehingga engkau (menghafaznya dan) tidak lupa. Kecuali apa yang dikehendaki Allah engkau lupakan. Sesungguhnya Dia mengetahui (segala keadaan yang patut berlaku), yang nyata dan tersembunyi". (87:6-7)

Firman Allah lagi yang bermaksud:

" Dan bukanlah al-Quran ini sesuatu yang boleh diada-adakan oleh yang lain daripada Allah; tetapi al-Quran itu diturunkan oleh Allah

untuk membenarkan Kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya, dan untuk menjelaskan satu-persatu hukum syara yang diwajibkan (atas kamu); tidak ada syak dan ragu-ragu pada al-Quran itu tentang datangnya daripada Allah, Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam."

(10:37)

Keyakinan bahawa al-Quran datang daripada Allah, dan Allahlah yang menjaga dan memeliharanya daripada sebarang bentuk penyelewengan dan akan kekal sehingga Hari Kiamat sebagai panduan serta rujukan umat Islam.

Firman Allah yang bermaksud:

Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang munkar.

(3:110)

Ayat di atas jelas bahawa, Allah menyuruh manusia kepada jalan kebaikan dan kebenaran dan melarang ke jalan kemungkaran. Peringatan ini merangkumi semua lapisan manusia di dunia ini dan tidak terkecuali kepada para sasterawan. Sehubungan itu, elok dibicarakan hubungan sastera dengan kelahiran al-Quran pada zaman Arab Jahilliah secara ringkas kerana ianya berkaitan juga dengan sastera Melayu zaman silam.

Apabila al-Quran diturunkan, ianya telah memberikan kesan besar terhadap kesusasteraan Arab Jahilliah. Orang Arab terpujau dengan ayat-ayat yang terkandung di dalamnya. Kalimat-kalimat yang terungkap lebih manis, indah, jelas dan dapat digunakan dalam semua genre sastera melalui satu bahasa standard, iaitu bahasa al-Quran.

Mana Sikana (1976:40) menjelaskan al-Quran dapat membersihkan jiwa manusia, luaran dan dalaman serta menekankan hubungan sesama manusia bagi faedah sejagat. Al-Quran memberi perkhabaran dan mengajak manusia kepada kebaikan. Adab al-Quran adalah menyampaikan sesuatu mesej dengan kiasan sehingga kekerasan terasa lembut dan berisi keindahan.

Zaman Islam telah membawa perubahan besar terhadap kesusasteraan Arab terutamanya terhadap para penyair mereka yang selama ini tersesat. Hal ini juga tidak terkecuali terhadap para penyair di alam Melayu.

Kedatangan Islam memperjuangkan kedudukan penyair menurut Islam dan bertentangan dengan Islam seperti maksud al-Quran:

“Dan penyair-penyair itu diikuti oleh orang-orang yang sesat. Tidakkah kamu melihat bahawasanya mereka mengembara di tiap-tiap lembah. Dan bahawasanya mereka suka mengatakan apa yang mereka sendiri tidak mengerjakannya. Kecuali orang-orang (penyair-penyair) yang beriman dan beramal saleh dan banyak menyebut Allah dan mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman. Dan orang-orang yang zalim itu kelak akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali.”

(Asyu'ara:224,225,226,227)

Tegasnya Islam menerima sastera dan penyair dan yang utama ianya tidak terpesong daripada ajaran Islam dan sentiasa mengerjakan amalan yang disuruh Allah.

Di sini, dalam hubungan pantun Melayu sebagai genre puisi klasik Melayu dan hubungannya dengan al-Quran, pengkaji tertarik dengan kata-kata Shahnnon Ahmad (1977: 426-427) menegaskan bahawa;

" Berbudaya, berseni atau bersastera bertunggakkan Islam, sama saja seperti beribadat atau berbakti kepada Allah. Di sini beribadat membawa pengertian yang luas mencakupi sebarang perbuatan manusia demi kerana Allah semata-mata; bukan sekadar bersembahyang, berpuasa, menunaikan fardhu haji atau berzakat. Dalam beribadah (seperti dalam proses penciptaan karya sastera) pokok pangkal wajib bertolak dari tauhid. Bersastera mengikut Islam wajib dijalankan kerana Allah dan sastera dicipta kerana Allah untuk manusia. Dua ungkapan 'kerana Allah' dan 'untuk manusia' cukup erat kerana bila bersastera kerana Allah dengan sendirinya kita yakin bahawa setiap yang diperintah oleh Allah (melalui al-Quran dan al-Sunnah) adalah untuk kesejahteraan dan kebahagiaan hidup manusia".

Walaupun ulasan Shahnnon ini lebih menjurus kepada sastera Islam tetapi pengkaji berpendapat bahawa kajian ini juga mempunyai kaitan dengan bentuk atau konsep sastera Islam yang masih lagi diperbincangkan. Kaitan ini dominan kerana pantun Melayu yang dipilih sebagai bahan analisis ini adalah jenis pantun yang bertema dan berunsurkan agama dan sumber ilham pengkaryanya pula berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.

Apa yang dapat dilihat bahawa para pengarang pantun Melayu tersebut walaupun tidak terdiri daripada tokoh agama atau ulama tetapi mereka seolah-olah memahami peranan mereka sebagai seniman Islam. Sungguhpun kepenggarangan mereka adakalanya tidak menjurus kepada kehendak Islam tetapi sekurang-kurangnya tidak pula bertentangan dengan syariat dan terpesong dari akidah.

Maknanya setelah kedatangan Islam ke alam Melayu, pantun-pantun yang terhasil itu tidaklah membawa manusia ke arah kesesatan walaupun jenis pantun yang bukan bertemakan agama. Para seniman Melayu diyakini amat menjaga ketertiban dan kesusilaan tersebut supaya khalayak tidak mencemuh

kerana mereka adalah golongan yang disanjung bukan sahaja oleh rakyat jelata malah pihak istana.

Di sini nanti akan dapat dilihat bagaimana seniman Melayu mengambil alam sekeliling, budaya, al-Quran dan al-Hadith sebagai sumber ilham dalam pengkaryanya. Dari aspek struktur pantun, sumber alam dan budaya dijadikan komponen pembayang sementara sumber al-Quran dan al-Hadith pula dijadikan komponen maksudnya. Maksud yang tersurat dan tersirat dan sarat dengan pengajaran inilah yang akan dikaji tentang hubungan pengaruh al-Quran dan al-Hadith yang disebut intertekstualiti. Di sini ingin dicari penjelasan bahawa dalam teks pantun Melayu yang bertema agama ini wujud teks luaran yang mendominasi penciptaan pantun tersebut.

#### **4.2. Analisis: Pantun dan al-Quran.**

Dalam bab analisis ini, pengkaji akan membahagikannya kepada tiga bab, iaitu bab empat akan membicarakan pantun dan rukun Islam. Bab kelima pula adalah khusus membicarakan pantun dan rukun iman. Bab keenam akan membicarakan pantun dan akhlak dalam Islam. Tegasnya analisis yang dilakukan akan melihat intertekstualiti berpandukan bab-bab yang berkaitan dengan rukun Islam, rukun iman dan akhlak. Contoh-contoh pantun terpilih seperti dalam lampiran, iaitu dari buku *Kumpulan Pantun Melayu 1984*, oleh Zainal Abidin Bakar (penyelenggara) akan dikemukakan. Terjemahan ayat-ayat al-Quran juga dikemukakan dan dinyatakan nombor surah dan ayat. Cara ini diyakini akan dapat melihat unsur intertekstualiti di dalam pantun Melayu yang

bertema dan berunsur agama yang dilihat dari aspek maksudnya itu bersumberkan al-Quran. Aspek pembayang akan diabaikan terus.

Dalam analisis yang dilakukan ini juga, pengkaji akan menjelaskan prinsip-prinsip intertekstualiti yang digunakan dalam penghasilan karya (pantun).

Bab-bab yang dianalisis adalah seperti berikut :

#### **4.3. Pantun dan Rukun Islam.**

Setelah meletakkan al-Islam sebagai asas hidup, maka dengan demikian wujudlah rukun-rukunnya sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

“ Al-Islam ditegakkan dengan lima perkara: 1) Syahdah, bahawa tidak ada Tuhan selain Allah, Nabi Muhammad utusan Allah; 2) Mendirikan sahalat; 3) Mengeluarkan zakat; 4) Berpuasa pada bulan Ramadhan, dan 5) Menunaikan haji di Baitullah”.

(Riwayat Imam Muslim)

Kelima-lima rukun Islam ini semuanya harus ditegakkan dan tidak boleh ditinggalkan sama sekali.

Abdur Rahman Madjrie (1989:37-43) mengulas tentang rukun Islam iaitu; Pertama, Syahdah yang membawa pengertian bahawa tiada Tuhan selain Allah sebagai dasar Islam yang pertama kali harus dilaksanakan. Hal ini merupakan sebagai pernyataan rasmi bahawa seseorang itu telah mengisytiharkan diri sebagai pemeluk Islam dan bersedia menerima segala peraturan atau hukum pada dirinya secara sekarela.



Kedua, mendirikan solat, yang bererti melaksanakan dan mendirikan solat sebagai pendekatan diri kepada Allah swt. Maha Pencipta. Sebagaimana firman-Nya:

“ Sesungguhnya Akulah Allah tidak ada Tuhan selain Aku, maka dirikanlah shalat untuk mengingat Aku”.

(20:14)

Menurut ayat tersebut, menegakkan solat adalah untuk mengingat Allah, Maha Pencipta. Cara solat ditegakkan adalah cara yang sesuai dengan petunjuk Rasul-Nya melalui hadith, iaitu segala kata-kata dan perbuatan nabi yang telah diriwayatkan.

Tujuan solat adalah untuk menjaga keseimbangan dan kesucian bagi pelakunya, supaya tetap pegangan dan pengabdian terhadap Islam yang telah diyakininya sebagai cara hidup dan kehidupannya. Di samping itu, juga agar dirinya suci dari kekejian dan kemungkaran yang barangkali pada sesuatu saat dilaksanakan dengan sengaja mahupun tidak. Firman Allah:

“ Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu dari kitab, dan dirikanlah shalat, sesungguhnya shalat dapat mencegah dari perbuatan keji dan mungkar, dan sesungguhnya mengigat Allah adalah lebih besar, Allah maha mengetahui apa-apa yang kamu kerjakan”.

(29:45)

Ketiga, zakat yang merupakan rukun yang ketiga dalam Islam. Rukun ini adalah untuk memperkuat dan menyempurnakan bagi rukun yang pertama dan kedua. Firman Allah yang bermaksud:

"Maka akan Aku tetapkan rahmat-Ku untuk orang-orang yang bertakwa, yang menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami".

(7:156)

Zakat ini dilaksanakan berkenaan harta Muslim yang telah mencapai nisab, iaitu ukuran minima yang wajib dikeluarkan zakatnya dan dibahagikan kepada yang berhak. Golongan yang berhak seperti yang telah ditetapkan itu ialah, golongan fakir, miskin, fisabilillah, golongan berhutang, mualaf, untuk memerdekakan hamba, Ibnu Sabil dan pengurus zakat.

Fungsi zakat adalah untuk membersihkan harta itu sendiri supaya dapat menyucikan pemilik harta itu daripada sifat-sifat rakus pada harta, zalim, menindas dan sifat-sifat keji lainnya yang disebabkan terlalu mencintai harta.

Firman Allah yang bermaksud:

"Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka".

(9:103)

Zakat juga adalah untuk membantu golongan yang kurang rezekinya dan dengan ini secara tidak langsung dapat membantu memperkukuhkan ekonomi umat Islam demi kesejahteraan sejagat.

Keempat, puasa di bulan Ramadhan adalah rukun Islam yang wajib dilakukan. Berpuasa itu adalah merupakan suatu bentuk latihan mental setiap Muslim, iaitu suatu bentuk pembersihan jiwa dan rohani supaya mereka lebih tabah menghadapi tentangan dan cabaran. Di samping itu melahirkan keinsafan terhadap golongan miskin yang kekurangan makanan. Orang yang berpuasa juga dapat melatih diri supaya bersederhana dan berperaturan ketika makan-

minum. Mereka juga akan dapat belajar erti bersabar dan menghindarkan diri daripada sifat-sifat buruk ketika berpuasa. Firman Allah yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa".

(2:183)

"Dan berpuasa lebih baik bagimu jika kamu mengetahui".

(2:184)

Kelima, menunaikan haji ke Baitullah, iatu rukun Islam yang kelima dan kewajipan haji ini dilakukan sekali sahaja seumur hidup. Firman Allah yang bermaksud:

"Mengerjakan haji adalah kewajipan manusia terhadap Allah, iaitu bagi orang-orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah".

(3:97)

" Dan berserulah kepada manusia untuk mengerjakan haji, nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki".

(22:27)

Haji merupakan perhimpunan umat Islam seluruh dunia yang setiap tahun dilaksanakan di tanah suci Mekah. Haji melambangkan persatuan umat manusia tanpa kelas dan tidak ada perbezaan sama ada kaya, miskin, berkulit hitam atau putih, golongan raja atau rakyat, iaitu semua sama dalam berpakaian ihram. Tegasnya, yang paling mulia disisi Allah adalah yang paling bertakwa.

Rukun Islam kelima ini wajib disempurnakan jika ada kemampuan dan sebaliknya jika tidak mampu, setidaknya-tidaknya ada niat untuk pergi ke tanah suci.

Abdul Rahman Madjrie (1989:44) mengulas bahawa setelah tegak kelima-lima rukun Islam itu, sebagai kelengkapan Islamnya, maka harus wajib menghiasi jiwa Islam dalam diri seseorang Muslim dengan amalan-amalan yang dianjurkan oleh Allah swt. dalam al.Quran dan yang dicontohkan oleh Rasulullah saw. dalam sunnahnya.

Oleh yang demikian, maka sempurnalah Islam yang dimilikinya dan seterusnya adalah menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk menyebarkan ajaran Islam kepada orang lain, termasuklah kepada keluarga, masyarakat setempat hingga ke seluruh pelosok negeri dan alam semesta sesuai dengan kesanggupan dan kekuatan masing-masing dengan pelbagai cara.

Jadi tidak hairanlah bahawa masyarakat Melayu Nusantara telah juga memainkan peranan sebagai penyebar ajaran Islam dan salah satu caranya adalah melalui pantun sebagai media dakwahnya.

Di bawah ini pengkaji telah melakukan analisis pantun dan rukun Islam. Dalam analisis tersebut pengkaji telah menemui dua rukun Islam yang dapat dikesan melalui pantun yang dikaji, iaitu rukun Islam kedua, bab pantun dan solat dan rukun Islam yang kelima, iaitu bab pantun dan haji. Sila lihat analisis di bawah:

#### 4.4. Analisis data bab Pantun dan Solat atau Sembahyang:

Contoh pantun (Lampiran).	Maksud al-Quran (Terjemahan)
<p>Anak ayam turun sepuluh, Mati seekor tinggal sembilan; Bangun pagi sembahyang subuh, Minta ampun kepada Tuhan.</p> <p style="text-align: right;">(no.3)</p>	<p>(yaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan sholat... (2:3)©</p>
<p>Bukan tanah menjadi padi, Kalau jadi hampa melayang; Bukan bang menjadi haji, Jadi haji tak pernah sembahyang.</p> <p style="text-align: right;">(no.12)</p>	<p>"Sesungguhnya Aku beserta kamu, sesungguhnya jika kamu mendirikan sholat serta beriman kepada rasul-rasulKu... (5:12)</p>
<p>Hari ini hari hari Sabtu, Esok hari Ahad; Jangan tinggal sembahyang lima waktu, Tentu tahu naif dan isybat.</p> <p style="text-align: right;">(no.36)</p>	<p>dan agar mendirikan sembahyang serta bertakwa kepada-Nya....(6:72)</p> <p>Hanyalah yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian serta tetap mendirikan sholat,... (9:18)</p>
<p>Asam kandis asam gelugor, Ketiga asam si riang-riang; Menangis mayat di pintu kubur, Teringat badan tidak sembahyang.</p> <p style="text-align: right;">(no.53)</p>	<p>....,dan mereka tidak mengerjakan Sembahyang, melainkan dengan malas... (9:54)</p>
<p>Kemumu di dalam semak, Jatuh melayang selaranya; Meski ilmu tinggi tegak, Tidak sembahyang apa gunanya.</p> <p style="text-align: right;">(no.55)</p>	<p>Mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf, mencegah dari yang munkar, mendirikan sembahyang,... (9:71)</p>
<p>Dari Tembeling hilir ke Pekan, Singgah bermalam di Pulau Puyuh; Suruhan Tuhan segera ditunaikan, Janganlah ditangguh-tangguh.</p> <p style="text-align: right;">(no.73)</p>	<p>Dan orang-orang yang sabar kerana mencari keredhaan Tuhannya, mendirikan sholat,... (13:22)</p> <p>Katakan kepada hamba-hamba-Ku yang telah beriman: " Hendaklah mereka mendirikan sholat,... (14:31)</p>
	<p>Dan perintahkanlah kepada keluargamu mendirikan sholat dan bersabarlah kamu dalam mengerjakannya. (20:132)</p> <p>Sesungguhnya yang dapat kamu beri peringatan hanya orang-orang yang</p>

	<p>takut kepada azab Tuhannya (sekalipun) mereka tidak melihatNya dan mereka mendirikan sembahyang. (35:29)</p> <p>Sesungguhnya Aku adalah Allah, tidak ada Tuhan selain Aku, maka sembahlah Aku dan dirikanlah sholat untuk mengingati Aku. (20:14)</p> <p>....dan dirikan sholat, tunaikanlah zakat dan taatilah Allah dan Rasul-Nya. (33:33)</p>
--	---

#### 4.5. Ulasan analisis bab Pantun dan Intertekstualiti: Solat.

Melalui analisis di atas dan ditinjau dari aspek intertekstualiti, kita dapat melihat bahawa pengarang pantun bercorak keagamaan telah mentransformasikan ayat-ayat al-Quran ke dalam pantun yang diciptanya. Sebagai seniman Islam, pengarang pantun Melayu mempunyai kesedaran untuk menyampaikan mesej dakwah kepada khalayaknya. Prinsip transformasi tentang solat dilihat telah berlaku dengan jelas di dalam pantun Melayu bertema keagamaan.

Prinsip transformasi bermaksud berubah bentuk melalui pemindahan, penjelmaan, atau penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain. Jadi di sini adalah jelas, iaitu teks-teks daripada al-Quran itu terdapat di dalam maksud pantun yang menyentuh bab solat akibat proses pemindahan yang berlaku.

Di sini dapat dilihat proses transformasi berlaku sama ada secara formal atau abstrak. Umar Junus (1985:88-89) mentakrifkan bahawa pemindahan itu

sebagai transformasi formal atau fizikal, iaitu pemindahan dari segi pola dan jalinan penceritaan, dialog dan sebagainya. Contoh prinsip transformasi secara formal atau fizikal yang dikesan di dalam pantun di atas adalah seperti berikut:

Sekadar contoh;

Maksud pantun:

Hari ini hari sabtu,  
Esok hari Ahad,  
Jangan tinggal sembahyang lima waktu,  
Tentu tahu naif dan isybat.  
(no.36)

Maksud al- Quran:

Mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf, mencegah dari yang mungkar, mendirikan sembahyang.....".  
(9:71)

Di sini dapat dilihat bahawa pengarang pantun telah melakukan proses dengan menggunakan prinsip transformasi secara formal, iaitu pemindahan secara hampir sepenuhnya. Kenyataan daripada maksud al-Quran bahawa mengerjakan sembahyang boleh mencegah daripada kemungkaran dan disuruh melakukan kebaikan sementara di dalam pantun diingatkan jangan tinggalkan sembahyang kerana melalui sembahyang, kita akan dapat membezakan yang baik dan yang buruk. Kenyataan kedua-dua teks tersebut hampir sama maksudnya.

Prinsip transformasi secara abstrak pula, Umar Junus (1985:88-89) mentakrifkan sesuatu pemindahan dapat dilihat apabila sesuatu idea atau wacana yang berbentuk aforisme meresap dari sebuah teks ke sebuah teks yang

lain. Hasil analisis bab solat, prinsip transformasi secara abstrak begitu banyak dikesan. Penjelasannya adalah seperti berikut:

Sekadar contoh;

Prinsip transformasi secara abstrak:

Maksud Pantun:

Bukan tanah menjadi padi,  
Kalau jadi hampa melayang;  
Bukan bang menjadi haji,  
Jadi haji tak pernah sembahyang.  
- (no.12)

Maksud al-Quran:

".....dan mereka tidak mengerjakan sembahyang, melainkan dengan malas,.....".  
(6:72)

Contoh di atas merupakan suatu bentuk transformasi idea, iaitu suatu bentuk sindiran kepada orang yang malas sembahyang termasuk golongan haji.

Seterusnya penjelasan tentang prinsip transformasi secara abstrak yang dilakukan oleh pengarang pantun Melayu adalah bertujuan untuk menyampaikan mesej solat atau sembahyang.

Dalam bab solat pengkaji telah menurunkan dua belas maksud ayat al-Quran. Sebenarnya terlalu banyak ayat al-Quran yang menyentuh bab solat ini tetapi adalah mustahil bagi pengkaji untuk menurunkan kesemuanya. Dua belas maksud ayat tersebut adalah memadai untuk tujuan kajian yang dikaitkan hubungan dengan maksud pantun dan penjelasan betapa penting solat atau sembahyang bagi umat Islam, iaitu rukun Islam yang kedua.



Melalui prinsip transformasi secara abstrak ini telah memperlihatkan idea pengarang pantun yang dikutip daripada al-Quran antara lain, ingin menjelaskan bahawa sembahyang adalah tiang agama. Oleh yang demikian di dalam pantun Melayu sering diingatkan bahawa tiang agama ini patut dijagai dan peringatan tersebut amat jelas disampaikan melalui contoh rangkap pantun yang diberikan.

Peringatan-peringatan tersebut sudah tentulah berpandukan al-Quran. Hal sedemikian dapat diperjelaskan dan dibuktikan seperti berikut:

Kenyataan maksud pantun: Bab Solat atau Sembahyang.

Anak ayam turun sepuluh,  
Mati seekor tinggal sembilan;  
Bangun pagi sembahyang subuh,  
Minta ampun kepada Tuhan.  
(no.3)

Bukan tanah menjadi padi,  
Kalau jadi hampa melayang;  
Bukan abang menjadi haji,  
Jadi haji tak pernah sembahyang.  
(no.12)

Hari ini hari sabtu,  
Esok hari Ahad;  
Jangan tinggal sembahyang lima waktu,  
Tentu tahu naif dan isybat.  
(no.36)

Asam kandis asam gelugor,  
Ketiga asam si riang-riang;  
Menangis mayat di pintu kubur,  
Teringat badan tidak sembahyang.  
(no.53)

Kemumu di dalam semak,  
Jatuh melayang selaranya;  
Meski ilmu tinggi tegak,  
Tidak sembahyang apa gunanya.  
(no.55)

Dari Tembeling hilir ke Pekan,  
Singgah bermalam di Pulau Puyuh;  
Suruhan Tuhan segera ditunaikan,  
Janganlah ditangguh-tangguhkan.  
(no.73)

Kenyataan ini merupakan peringatan supaya kita tidak meninggalkan sembahyang lima waktu seperti yang Allah perintah dan peringatkan dalam al-Quran. Melalui sembahyang, kita akan tahu kerendahan diri dan sentiasa berada di dalam keadaan insaf.

Demikian pula, suatu peringatan penyesalan terhadap mereka yang tidak menunaikan solat dan penyesalan tersebut tidak lagi berguna apabila tiba saat mati dan ketika berada di alam kubur. Amalan di dunia akan dikira terutamanya amalan sembahyang sebagai tiket ke syurga Allah," Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna".

Di sini pengarang pantun juga menjelaskan bahawa dengan bersolat, kita boleh memohon ampun daripada Allah s.w.t. kerana apabila kita bersembahyang bermakna kita beriman kepada Allah dan menurut perintahnya. Allah sedia menerima keampunan bagi orang yang sentiasa mengingati-Nya.

Peringatan juga diberikan kepada orang yang berilmu, iaitu walaupun mempunyai ilmu yang tinggi tetapi gagal menunaikan sembahyang, golongan ini dianggap tidak berguna sama ada di dunia apatah lagi di sisi Allah. Maha suci Allah menyayangi orang yang bertakwa dan tidak mengira status manusia. Golongan ini adalah golongan yang beriman dan taat kepada perintah Allah.

Dalam bab sembahyang ini juga diperingatkan supaya kita jangan suka menanggukkan sembahyang, iaitu lakukan dengan segera mengikut waktu. Pengarang juga menyelitkan sindiran kepada golongan haji yang tidak sembahyang. Sindiran ini amat memalukan untuk golongan yang bergelar haji.

Idea pengarang pantun menegaskan bahawa mendirikan sembahyang itu merupakan perintah Allah untuk golongan yang beriman kepadanya. Melalui sembahyang juga dapat mencegah daripada perbuatan mungkar. Maksud al-Quran yang disertakan itu telah menjelaskan tentang orang yang bersembahyang.

Dalam maksud ayat-ayat al-Quran tersebut dinyatakan konsep iman, taat, takwa, amal makruf nahi mungkar, sabar, azab, keredhaan dan konsep malas. Idea tentang kepentingan solat itu diperkembangkan dengan menggabungkan konsep-konsep tersebut di dalam penciptaan pantun.

Pemindahan teks daripada al-Quran tersebut dijadikan mesej yang amat berguna kepada khalayak melalui maksud pantun yang dicipta oleh pengarang. Prinsip transformasi secara abstrak ini wujud apabila pengarang pantun hanya mengambil perkataan solat atau sembahyang sebagai komponen utama dalam pantunnya. Idea tentang kepentingan solat itu dikonsepsikan dengan begitu harmoni di dalam karya.

Jadi amat jelas bahawa pengarang pantun keagamaan telah menjadikan al-Quran sebagai sumber ilham untuk berkarya.

Di sini juga dapat dilihat kehadiran prinsip modifikasi yang dilakukan oleh pengarang. Mana Sikana (1998:209) menyatakan bahawa berlakunya

pengubahsuaian melalui proses penyesuaian, perubahan, pengguguran, perbaikan atau pindaan. Modifikasi biasanya berlaku dari aspek pemikiran, mesej dan jalan cerita sesebuah teks dan hal ini timbul kerana pengarang ingin menempatkan sesebuah teks yang sesuai ke dalam karyanya.

Sekadar contoh;

Maksud Pantun:

Asam kandis asam gelugor,  
Ketiga asam si riang-riang;  
Menangis mayat di pintu kubur,  
Teringat badan tidak sembahyang.  
(no.55)

Maksud al-Quran:

“Sesungguhnya yang dapat kamu beri peringatan hanya orang-orang yang takut azab Tuhannya(sekalipun) mereka tidak melihat-Nya dan mereka mendirikan sembahyang”.  
(35:29)

Melalui analisis, kita dapat melihat bahawa pengarang telah melakukan pengubahsuaian atau modifikasi terhadap maksud pantunnya. Peringatan bahawa mayat menangis di pintu kubur kerana tidak sembahyang adalah suatu bentuk azab daripada Allah seperti yang dinyatakan daripada maksud al-Quran.

Prinsip modifikasi ini berlaku adalah bertujuan untuk mengharmonikan kalimat dalam struktur pantun, iaitu rima ab,ab. Pradotokusomo (1986:63) menyatakan modifikasi merupakan manipulasi pada tatapan linguistik, iaitu manipulasi kata atau urutan kata dalam kalimat: pada tatapan kesusasteraan.

#### 4.6. Analisis data bab Pantun dan Haji.

Contoh pantun:	Maksud al-Quran:
<p>Alang di sebelah alang, Anak ikan kena lukah; Jangan tuan alang kepalang, Jangan diduga laut Mekah. (no. 37)</p>	<p>Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah. (2:196)</p>
<p>Pisang embun masak merekah, Dituris dengan pisau raut; Kalau abang pergi ke Mekah, Dua kali menyeberang laut. (no.42)</p>	<p>Mengerjakan haji adalah kewajiban manusia terhadap Allah, iaitu bagi orang-orang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah. (3:97)</p>
<p>Pucuk si Lingga-linggallah, Pucuk si jawi-jawi muda; Tanah suci tinggal-tinggallah, Kampung hamba menanti jua. (no.150)</p>	<p>Dan berserulah kepada manusia untuk mengerjakan haji, niscaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki. (22:27)</p>
<p>Buat serunai batang padi, Bunyi lagu seri pualam; Serban bukan semuanya haji, Haji terletak pada amalan. (no.68)</p>	

#### 4.7. Ulasan Analisis bab Pantun dan Intertekstualiti: Haji.

Hasil analisis tentang bab haji ini pula, dari aspek intertekstualiti, kita dapat lihat bahawa prinsip transformasi secara abstrak telah digunakan oleh pengarang. Idea pengarang adalah untuk menjelaskan kepentingan haji sebagai rukun Islam yang kelima.

Kenyataan maksud pantun: Bab Haji.

Alang di sebelah alang,  
Anak ikan kena lukah;  
Jangan tuan alang kepalang,  
Jangan diduga laut Mekah.  
(no.37)

Pisang embun masak merekah,  
Dituris dengan pisau raut;  
Kalau abang pergi ke Mekah,  
Dua kali menyeberangi laut.  
(no.42)

Buat serunai batang padi,  
Bunyi lagu seri pualam;  
Serban bukan semuanya,  
Haji terletak pada amalan.  
(no.68)

Pucuk si Lingga-linggallah,  
Pucuk si jawi-jawi muda;  
Tanah suci tinggallah,  
Kampung halaman menanti jua.  
(no.150)

Dalam bab haji ini pula pengarang pantun Melayu ingin menyampaikan mesej melalui pantun keagamaannya bahawa perkerjaan haji itu bukanlah sesuatu yang mudah apatah lagi perjalanannya amat sukar. Hal ini dinyatakan sedemikian kerana pada masa lampau perjalanan mengerjakan haji memakan masa yang lama kerana mereka menaiki kapal laut. Perjalanan yang lama itu pastinya mengundang pelbagai masalah. Dugaan sedemikian harus dilalui sebagai menguji ketakwaan seseorang terhadap Tuhannya.

Pengarang pantun Melayu juga ada menyatakan bahawa seseorang haji itu bukan terletak pada serbannya tetapi pada amalannya. Idea ini merupakan suatu bentuk nasihat yang dalam maksudnya dapat disampaikan melalui maksud pantun. Pengarang mungkin telah melihat bahawa ada golongan yang sudah mengerjakan haji hanya mementingkan panggilan 'Haji' atau 'Hajah' sedangkan amalan sebagai Muslim apatah lagi yang sudah mengerjakan haji itu masih pada takuk lama dan tiada bezanya dengan orang awam.

Sebagai seorang yang telah menunaikan haji, mereka dianggap telah sempurna dan perlulah mengamalkan segala suruhan Tuhan sesempurna mungkin serta boleh dijadikan contoh kepada yang lain.

Pengarang juga secara tidak langsung telah menyatakan idea bahawa seseorang yang telah sempurna menunaikan haji itu harus pulang ke tempat asal dan memulakan penghidupan seperti biasa. Idea terhadap nasihat ini menunjukkan bahawa seseorang yang pergi menunaikan haji itu tidak akan terus tinggal di kota Mekah atau tidak pulang lagi ke tanah airnya.

Idea sebegini merupakan suatu bentuk pujukan hati bagi mereka yang belum pergi menunaikan ibadat haji kerana ada juga golongan yang berasa bimbang, iaitu takut tidak kembali menemui keluarga sama ada meninggal dunia dalam perjalanan yang lama itu atau semasa menunaikan haji atau terus tinggal di Mekah. Mesej sebegini juga merupakan suatu dorongan kepada kaum keluarga agar meredai ahli keluarga yang ingin menunaikan haji.

Maksud al-Quran juga ada menyatakan perintah Allah mewajibkan manusia mengerjakan haji. Jadi secara tidak langsung pengarang pantun telah menggambarkan pekerjaan haji itu kepada khalayaknya. Menunaikan haji adalah merupakan rukun Islam yang kelima dan diwajibkan ke atas umat Islam mengerjakannya jika ada kemampuan.

Di sini juga jelas berlakunya proses intertekstualiti tentang bab haji di dalam pantun, iaitu dengan menggunakan prinsip transformasi secara abstrak.

Sila lihat maksud al-Quran di bawah ini:

Maksud al-Quran tentang bab haji:

"Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah.  
(2:196)

"Mengerjakan haji adalah kewajipan manusia terhadap Allah, iaitu bagi orang-orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah".  
(3:97)

"dan berserulah kepada manusia untuk mengerjakan haji, niscaya mereka datang kepadamu dengan berjalan kaki".  
(22:27)



Di sini kita dapat melihat bahawa pengarang pantun telah mengambil idea daripada maksud ayat al-Quran tersebut untuk diterjemahkan melalui maksud pantunnya. Secara tidak langsung bahawa mesej tentang bab haji, iaitu rukun Islam yang kelima itu dapat disampaikan kepada khalayaknya, iaitu pengarang telah mengambil pengajaran daripada potongan ayat-ayat al-Quran tersebut sebagai gagasan.

Pengarang pantun tahu bahawa perkerjaan untuk menunaikan haji itu adalah merupakan rukun Islam yang wajib ditunaikan jika berkemampuan. Oleh itu, adalah menjadi tugas pengarang untuk menyampaikan mesej tersebut secara tidak langsung melalui pantun ciptaannya.